

15 SEP 2000

Mahathir-Suqiu

ANGGOTA SUQIU ADAKAN PERTEMUAN DENGAN PM

PUTRAJAYA, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendengar penjelasan daripada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) mengenai beberapa perkara, termasuk tuntutan 17 perkara persatuan itu kepada kerajaan.

Pada pertemuan itu, Dr Mahathir turut memberikan nasihat beliau kata Presiden Suqiu, Quek Sian Hiang, kepada pemberita di luar Jabatan Perdana Menteri selepas pertemuan lebih sejam itu.

"Suqiu telah menjelaskan beberapa perkara kepada Perdana Menteri (dan) Dr Mahathir memberikan nasihat dalam ucapannya yang panjang," kata Quek.

Penjelasan Quek dalam bahasa Cina itu diterjemahkan oleh setiausaha eksekutif Suqiu, Wang Chin Huat.

Quek mengetuai 20 anggota jawatankuasa Suqiu menemui Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri.

Quek berkata perbincangan diadakan dalam "suasana ikhlas, terbuka dan harmoni."

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut berhubung pertemuan mereka dengan Dr Mahathir.

Sebaliknya, Suqiu akan mengadakan sidang berita mengenai perkara itu petang ini.

Isu Suqiu tercetus apabila kumpulan berkenaan memperbaharui semula tuntutan 17 perkara yang dibuatnya pada pilihan raya umum lalu, yang antara lain meminta dimansuhkan perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam semua bidang.

Sementara itu Quek dalam kenyataan empat perenggan yang dibacakan Setiausaha Kehormat Suqiu, Ser Choon Ing di Dewan Perhimpunan Cina Selangor di ibu negara petang ini berkata, Suqiu menjelaskan kepada Perdana Menteri bahawa jawatankuasa itu "menyampaikan suarhati masyarakat Cina sebagai suatu wawasan untuk masa depan dan untuk semua."

Suqiu juga menjelaskan bahawa mereka tidak mengamalkan ekstrimisme dan keganasan, katanya.

"Dan oleh itu (Suqiu) tidak boleh disamakan dengan komunis dan Al-Maunah," katanya yang menanggap pertemuan berkenaan sebagai perkembangan positif yang amat dihargai.

Dr Mahathir juga telah meluahkan pertimbangan-pertimbangannya sebagai pemimpin sebuah negara pelbagai kaum, katanya.

Beliau berkata, Suqiu berharap dapat berdialog dengan semua pihak secara ikhlas dan rasional berhubung isu berkenaan.

"Sememangnya kami percaya bahawa persefahaman dan permuafakatan dalam masyarakat majmuk harus dipupuk dengan dialog ke arah kemajuan negara," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut dan menjawab soalan media berhubung pertemuan mereka dengan Dr Mahathir.

Sebanyak 11 pertubuhan yang menganggotai Suqiu itu ialah Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong), Persekutuan Persatuan-persatuan Alumni Sekolah China Malaysia, Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Persatuan Alumni Universiti Nanyang Malaysia, Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan.

Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia, Centre for Malaysian Chinese Studies Berhad, Persatuan Kwangsi Malaysia, Persekutuan Persatuan-persatuan Foochow Malaysia dan Persekutuan Persatuan-persatuan

Hokkien Malaysia.
-- BERNAMA
RZS GM PR